

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA LANGGANAN KHAS
PANGKALAN DATA KOMERSIL (JKPDK)**

TARIKH / HARI : 9 JANUARI 2008 / RABU
MASA : 9.00 PAGI – 1.00 TENGAHARI
TEMPAT : DEWAN SENATE, TINGKAT 5
BANGUNAN PENTADBIRAN
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA

Yang Hadir

Pn. Nooraini Ismail (IIUM)	-	Pengerusi
En. Haron Wee Ah Boo (UiTM)		
Pn. Nor Aziah Abdullah (UiTM)		
Pn. Hani Liza Hj. Norfin (UiTM)		
Pn. Lela Ruzma Mohd. Shaari (UKM)		
Pn. Rohaila Mohd. Rohani (UKM)		
Cik Siti Khabshah Masrom (MMU)		
Pn. Nency Rulyta Chairul (MMU)		
Pn. Zaila Idris (UM)		
Pn. Ulya Sujak (UM)		
Pn. Korina Ibrahim (UNIMAS)		
Pn. Khairulbahiyah Yakub (UTM)		
En. Md. Yazid Muji (UNITEN)		
Pn. Wan Kartini Wan Sulaiman (UPSI)		
Pn. Ruzita Ramly (OUM)		
Pn. Azlinda Abdul Rahim (OUM)		
Pn. Rozana Kamdani (USIM)		
Pn. Norakmal Abd. Karim (UNIMAP)		
Pn. Wan Rosnida Wan Mohamad (UMT)		
En. Muzaffar Shah Kassim (UPM)		
En. M. Dzulkarnain Abd. Karim (UPNM)		
Cik Yafiza Abd. Halim (UPNM)		
Pn. Fauziah Hassan (UTEM)		
Pn. Raudhah Ruslan (UTHM)		
Pn. Shukra Shuib (UUM)		
Pn. Noorhasimah Aris (IIUM)	-	Setiausaha

Tidak hadir dengan kenyataan

Pn. Arinawati Ayob (USM)
En. Sabaruddin Mamat (UMS)
Pn. Shima Barozi (UMP)
En. Azman Hashim (UMK)

PENDAHULUAN

Pn. Pengerusi mengalu-alukan kedatangan semua ahli JKPDK. Beliau mengambil kesempatan dengan memperkenalkan diri beliau sebagai pengerusi JKPDK yang baru dan Pn. Noorhasimah Aris sebagai setiausaha pengganti. Pn. Pengerusi turut memohon maaf kerana terlepas pandang terhadap penyertaan wakil-wakil dari kalangan perpustakaan khusus (special library) seperti FRIM, MPOB, MARDI, IKIM dan lain-lainnya di dalam mesyuarat ini. Menurut beliau, kita akan lebih berhati-hati lagi dimasa akan datang bagi memastikan semua institusi yang terlibat dijemput hadir. Bagi meneruskan mesyuarat, beliau telah memulakan dengan bacaan Ummul Kitab.

AGENDA

1. Perkembangan Langganan 4 Pangkalan Data Komersil – MOHE 2008

Pn. Pengerusi telah memaklumkan kepada semua ahli JKPDK tentang proses pemilihan PDK bagi tujuan langganan dibawah konsortium. Menurut Pn. Pengerusi, kriteria pemilihan PDK ini adalah berdasarkan keperluannya oleh semua IPTA, dengan anggaran kosnya tidak melebihi RM10 juta. Pn. Pengerusi juga telah memaklumkan bahawa KPT telah bersetuju untuk menambah pembiayaan bagi tahun 2009 sebanyak RM10 juta lagi. Walau bagaimanapun, kenyataan ini telah dibuat secara lisan oleh KPT sewaktu Pn. Pengerusi dan Pn. Pengerusi PERPUN menghadiri mesyuarat bagi tujuan pembentangan kertas cadangan langganan khas PDK di Putra Jaya. Pn. Pengerusi turut menerangkan juga bahawa tempoh langganan adalah berdasarkan "contract year to year basis" (1 year basis). Jika terdapat sebarang permasalahan dari sesi langganan bagi mana-mana PDK, diatas persetujuan semua ahli, pengantian vendor yang terlibat boleh dibuat.

Pn. Pengerusi turut memaklumkan kepada semua ahli yang hadir, bahawa JICT MAMPU telah meminta penghantaran kertas cadangan bagi tujuan mendapat kelulusan MAMPU. Pn. Pengerusi berserta Pn. Nor Aziah Abdullah serta beberapa kakitangan yang lain telah menghadiri sessi tersebut. Wakil dari pihak MAMPU telah berusaha membantu dalam proses pembentangan kertas cadangan tersebut.

- 1.1 Pn. Pengerusi juga telah memaklumkan bahawa surat kelulusan dari MAMPU telah pun kita terima pada 4hb Januari 2008. Tindakan seterusnya yang perlu diambil adalah untuk menyemak semula lesen perjanjian bagi keempat-empat PDK sebelum dihantar ke KPT.
- 1.2 Pn. Pengerusi turut memaklumkan bahawa IEEE menghendaki semua IPTA/s yang terlibat dengan langganan pangkalan data tersebut untuk menandatangani lesen perjanjian tersebut secara berasingan selain dari MOHE.
- 1.3 Pn. Pengerusi turut mencadangkan agar semua ahli yang terlibat dengan langganan PDK untuk berbincang bersama-sama dengan melantik penasihat perundangan dari IIUM sebagai "legal advisor" dalam proses membuat semakan tersebut. Tarikh untuk perjumpaan tersebut akan ditetapkan kemudian.

(Tindakan: wakil IIUM)

2. E-Books

Pn. Pengerusi telah memaklumkan bahawa terdapat pembekal yang telah menawarkan langganan e-books secara konsortium. Pn. Pengerusi telah mencadangkan agar diadakan "demo" daripada beberapa pembekal e-books, dan boleh membuat perbandingan untuk pertimbangan bagi langganan dibawah konsortium. Pn. Lela Ruzma (UKM) telah menyatakan bahawa Pn. Sabariah, pustakawan KPT, telah mencadangkan "to put on trial" "Reference Ware" supaya boleh diakses untuk tujuan penilaian dan pertimbangan dengan menggunakan platform JKPDK, jika peruntukan RM10 juta diluluskan oleh KPT.

3. Langganan 2009

Terdapat saranan dari sesetengah ahli untuk mendapatkan butiran harga daripada vendor berhubung dengan langganan "back-files".

- 3.1 Pn. Pengerusi turut dimaklumkan untuk mempertimbangkan langganan "back-files" untuk tahun 2009.
- 3.2 Pn. Pengerusi turut menyarankan untuk melihat dengan lebih terperinci berhubung dengan fungsi serta peranan server di UiTM.

(Tindakan: semua ahli)

4. Senarai Induk Pangkalan Data (SIPDK)

- 4.1 Pn. Zaila (UM) telah memaklumkan bahawa borang telah dibuat bagi tujuan mengisi butiran-butiran yang diperlukan untuk penyediaan SIPDK. Menurut Pn. Zaila, terdapat beberapa institusi yang telah pun menghantar data-data yang diperlukan, walau bagaimanapun, ada setengahnya tidak mengikut spesifikasi yang telah dicadangkan.
- 4.2 Pn. Pengerusi turut mengambil kesempatan ini untuk melantik secara rasmi Pn. Zaila Idris sebagai pengganti Pn. Molly yang telah bersara.
- 4.3 Mesyuarat juga telah diberi penerangan oleh Pn. Nency Rulyta (MMU) tentang "template" (union list) yang telah beliau sediakan. Menurut beliau, bagi butiran tahun terkini, 2008, data-data perlu dimasukkan sendiri oleh institusi-institusi masing-masing. Pn. Nency turut menyarankan bahawa bagi mana-mana institusi yang belum berdaftar, boleh berbuat demikian kerana setiap pendaftaran akan disahkan sendiri oleh beliau. Terdapat juga saranan dari Pn Hani (UiTM) untuk membolehkan pangkalan data ini diakses oleh orang luar "public access". Mesyuarat telah dimaklumkan bahawa tujuan utama penyediaan pangkalan data ini adalah bagi kegunaan pustakawan-pustakawan bagi tujuan membuat semakan dan perbandingan harga.
- 4.4 Mesyuarat telah dimaklumkan berhubung dengan perkembangan MYULIST. Sehingga kini dasar-dasar serta garis panduan berhubung dengan penentuan data-data yang perlu dimasukkan ke dalam pangkalan data masih belum diputuskan lagi. Sehubungan dengan ini, adalah disarankan agar UMP mengadakan perbincangan untuk menyediakan garis panduan (guide lines) bagi mengemaskinikan data-data yang dirasakan perlu agar ianya akan menjadi lebih mantap.

5. Tawaran harga langganan Blackwell Synergy Package yang amat tinggi

Mesyuarat telah dimaklumkan oleh pustakawan MMU, terdapat 7 institusi yang telah melanggan kepada pangkalan data ini. Menurut beliau, semua institusi yang terlibat ini telah dikenakan harga yang tinggi, dan MMU sendiri telah dikenakan harga tiga kali ganda berbanding dengan harga tahun 2007. Beliau menyuarakan kebimbangan terhadap kenaikan harga pada tahun berikutnya. Tambahan lagi, sebarang kenaikan harga, institusi yang terlibat tidak dimaklumkan terlebih dahulu, dimana secara langsung mereka cuba memerangkap pengguna. Sehubungan dengan ini, pihak Pengurus telah menyarankan agar institusi yang terlibat membuat pertemuan dengan pembekal yang berkenaan bagi berbincang dan mencari penyelesaian yang wajar.

Terdapat juga beberapa saranan lain yang telah dikemukakan:-

- (i) Untuk memanggil serta melantik beberapa pembekal tempatan yang lain agar dapat memecahkan dasar monopoli oleh sesetengah penerbit.
- (ii) Mengenal pasti penerbit-penerbit yang lain.
- (iii) Mesyuarat juga turut dimaklumkan bahawa untuk masa hadapan koperasi UM akan menceburi bidang ini, jadi diharap akan dapat sedikit sebanyak membantu meringankan masalah tersebut.

6. Statistik penggunaan beberapa pangkalan data

Berhubung dengan perkara ini, mesyuarat dimaklumkan tentang kesukaran untuk membuat "bench-marking" bagi menilai statistik penggunaan terutamanya bagi pangkalan data yang bercirikan statistik seperti Datastream, EIU Country Data, GMID dan lain-lainnya. Permasalahan yang timbul disini ialah, tiada satu "standard" penilaian tentang "performance" pangkalan data tersebut.

7. Pembaharuan langganan Science Direct

- 7.1 Mesyuarat dimaklumkan oleh pustakawan MMU, bahawa "proposal" untuk pembaharuan langganan sepatutnya telah dibuat pada bulan Oktober 2007, tetapi malangnya sehingga kini "proposal" tersebut masih belum lagi diterima. Menurut beliau lagi, terdapat perubahan-perubahan pada "package" yang ditawarkan, contoh, bagi UNIMAP & UMP, "freedom collection" tidak dimasukkan dalam langganan tersebut.
- 7.2 Terdapat juga saranan supaya pihak IPTA meminta harga berdasarkan harga konsortium bagi Science Direct. Secara tidak langsung dicadangkan agar dimasukkan ke dalam "proposal" bagi langganan tahun 2009.
- 7.3 Menurut MMU lagi, terdapat permasalahan bagi langganan 2007, dimana bagi "core collection" yang telah diaktifkan pada awal langganan, tetapi bila tiba dipertengahan langganan, penggunaannya kosong sehingga ke bulan November, dan bila dirujuk semula kepada rekod "access", terdapat tujuh (7) judul yang tidak di "activate"kan. Begitu juga halnya dengan beberapa institusi yang lain seperti UPNM dan UiTM, judul-judul yang dilanggan tiada dalam "usage report" dimana pengeluaran sesetengah judul di pangkalan data tersebut tidak dimaklumkan kepada pelanggan terlebih dahulu.

8. Lain-lain hal

- 8.1 Cadangan dari Pn. Pengerusi untuk mengadakan bengkel ROI (Return of Investment) bagi PDK. Sehubungan ini, AJK bagi bengkel ini telah pun dilantik yang terdiri dari:-
- (a) En. Harun Wee Ah Boo (UiTM)
 - (b) Pn. Hani Liza Norfin (UiTM)
 - (c) Pn. Ruzita Ramly (OUM)
 - (d) Pn. Nency-Rulyta Chairul (MMU)
 - (e) En. M. Dzulkarnain Abd. Karim (UPNM)
 - (f) Pn. Noorhasimah Aris (IIUM)

Telah dipersetujui oleh semua iaitu lokasi bagi bengkel ini, akan di adakan di Langkawi bagi tempoh 3 hari 2 malam. Penetapan tarikh akan dibuat sebaik sahaja dapat persetujuan dari pihak penceramah (Dr. Maznah, UiTM). Terdapat cadangan agar bengkel ini diadakan sewaktu cuti semester, agar dapat mengelakkan gangguan pada perkhidmatan perpustakaan.

- 8.2 Mesyuarat telah menetapkan kekerapan mesyuarat JKPDK sebanyak empat (4) kali setahun. Jadual mesyuarat akan disediakan dan diedarkan oleh setiausaha JKPDK kepada semua ahli JKPDK.

(Tindakan: Setiausaha JKPDK)

- 8.3 Terdapat cadangan, agar selain dari mesyuarat, di adakan juga program lain seperti "demo" dan sebagainya agar masa dapat dimanfaatkan sepenuhnya, terutama bagi perwakilan yang datang dari jauh, seperti Sabah dan Sarawak. Begitu juga terdapat saranan, tempat dan lokasi mesyuarat bagi JKPDK boleh dibuat berdasarkan giliran atau "rotation basis".
- 8.4 Mesyuarat juga telah dimaklumkan bahawa Pn. Nor Aziah Abdullah (UiTM) akan bertukar ke Bahagian Perolehan dan telah digantikan dengan En. Haron Wee Ah Boo (UiTM).
- 8.5 Mesyuarat bersetuju melantik Pn. Ruzita Ramly (OUM) sebagai Setiausaha II, JKPDK.
- 8.6 Terdapat persoalan berhubung dengan status ahli luar yang berbayar samada boleh akses pangkalan data selain dari pinjaman buku. Berdasarkan amalan sesetengah institusi, ahli luar dibenarkan akses "within campus area" sahaja.
- 8.7 Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa koperasi UM akan mula mencebur dan sebagai pembekal pangkalan data pada tahun 2009.
- 8.8 Mesyuarat turut dimaklumkan, Pn. Wan Rosnida Wan Mohamad (UMT) telah mengambil alih tempat Pn. Rabiatul yang telah berhenti dan bertugas di tempat lain.

- 8.9 Mesyuarat juga telah dimaklumkan tentang permasalahan berurusan dengan wakil pembekal IEEE, (Pn. Geraldin De Silva). Mesyuarat sepakat bersetuju agar pihak JKPDK menghantar surat "complaint" untuk meminta pertukaran wakil pembekal tersebut. Terdapat juga rungutan berhubung dengan hasil perbincangan dari "User Group Meeting". Mesyuarat dimaklumkan bahawa tiada sebarang perlaksanaan cadangan yang dibuat diatas usul-usul yang telah diutarakan sebelum ini. Pihak pengerusi telah mencadangkan agar setiap cadangan/usul yang dikemukakan dalam perjumpaan tersebut didokumentasikan secara hitam putih bagi tujuan rujukan dan semakan semula.

Mesyuarat ditangguhkan pada 12.30 tengahari dengan bacaan Surah Al'Asr dan ucapan terima kasih dari Pn. Pengerusi.

Disediakan oleh;

.....
Noorhasimah Aris
Setiausaha
Jawatankuasa Langganan Khas
Pangkalan Data Komersil (JKPDK)

Disahkan oleh;

.....
Nooraini Ismail
Pengerusi
Jawatankuasa Langganan Khas
Pangkalan Data Komersil (JKPDK)